

Jenis Akhbar : *Harian Metro Online*
Tarikh : *13/06/2020*
Edisi / Muka Surat : www.hmetro.com.my
Tajuk : *ANGKASA saran koperasi ceburi pertanian*

ANGKASA saran koperasi ceburi pertanian



Abdul Fattah Abdullah

ANGKATAN Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) menyarankan koperasi di Malaysia menceburi bidang pertanian berimpak tinggi yang berpotensi besar menjana pendapatan lumayan dalam masa cepat.

Presiden ANKASA Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, antara bidang pertanian yang perlu diberikan tumpuan adalah pertanian yang memberi pulangan hasil cepat dan mempunyai pasaran luas.

Menurutnya, antara tanaman yang boleh diceburi ialah jagung mutiara, tebu kuning, nanas MD2, rumput napier dan cili.

Katanya, tanaman itu dilihat mempunyai pasaran tinggi, harga yang stabil dan boleh dituai dalam jangka masa singkat berbanding tanaman lain.

"Tumpuan koperasi khususnya di kawasan luar bandar dalam bidang pertanian dilihat lebih sesuai dan boleh berdaya saing berbanding bidang lain kerana mempunyai tanah yang luas.

"Selain mudah mendapat tenaga buruh, ia boleh menjana pendapatan lebih cepat khususnya tanaman yang mendapat permintaan tinggi.

"Penerokaan dalam bidang berkenaan mampu menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara seperti hasrat kerajaan untuk menjadikan koperasi sebagai sektor ketiga yang menjadi tunjang kepada kemajuan negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas meninjau tapak cadangan projek tanaman nanas MD2 seluas 30 hektar yang akan diusahakan oleh Koperasi Felda Mempaga Tiga di Bentong hari ini.

Hadir sama Pengerusi Jawatankuasa Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani ANKASA Datuk Kamaruddin Ismail dan Pengerusi Koperasi Felda Mempaga Tiga Anuar Jamal.

Menurut Abdul Fattah, ANKASA bersedia membantu koperasi yang berminat untuk menceburi bidang berkenaan khususnya daripada sudut pemantauan dan khidmat nasihat.

"Selain khidmat nasihat dan pemantauan, kita juga boleh adakan kerjasama dengan pihak luar bertujuan untuk membantu pasaran hasil sesebuah koperasi itu ke luar negara khususnya ke negara Asia Tenggara," katanya.

Artikel ini disiarkan pada : Sabtu, 13 Jun 2020 @ 4:27 PM